

Headline	Tiga rakyat Malaysia kayuh basikal tiba di Madinah		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	23 Apr 2024	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	9	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	318 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,371
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,113



## Tiga rakyat Malaysia kayuh basikal tiba di Madinah

SELEPAS 150 hari melakukan pengembaraan berbasikal dari Kuala Lumpur, tiga rakyat Malaysia termasuk pasangan suami isteri berjaya tiba di Madinah, Arab Saudi pada Jumaat lepas (19 April) dalam misi menunaikan rukun Islam kelima, ibadat haji.

Ketiga-tiga mereka ialah Ahmad Mohd Isa, 36, isterinya Noradilah Mohd Sapie, 37, dan seorang kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM) Abdul Halim Talha, 57, tiba di destinasi selepas menempuh perjalanan sejauh 12,000 kilometer (km).

Ahmad berkata kayuhan kali ini lebih singkat berbanding kayuhan sama sembilan tahun lepas kerana matlamat utama ialah melakukan haji selain separuh perjalanan pula terpaksa menggunakan kenderaan seperti kereta api, kapal terbang, feri dan kereta atas faktor yang tidak dapat dielakkan.

"Pada 2016, saya dan isteri ketika itu baru lepas berkahwin dan pengembaraan berbasikal lebih kepada berbulan madu dengan membabitkan 14 negara yang mengambil masa setahun tiga bulan untuk

sampai ke Makkah sebelum menunaikan ibadat umrah.

"Tapi pengembaraan kali ini lebih berfokus iaitu menunaikan haji yang membabitkan laluan tujuh negara dengan lima bulan sahaja masa yang diambil untuk sampai di sini (Madinah)," katanya ketika dihubungi Bernama baru-baru ini.

Mereka melalui Thailand sebelum mengambil penerbangan ke India dan menyambung kayuhan ke Pakistan dan Iran dan kemudian menaiki feri ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan terus berkayuh ke Arab Saudi.

Bercerita lanjut, Ahmad berkata seorang lagi rakannya yang juga bekas wartawan sambilan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Che Saad Nordin, 74, yang berbasikal bersama pada peringkat awal, tidak dapat meneruskan kembara kerana faktor kesihatan dan cuaca sejuk ketika tiba di Pakistan

sekitar Januari lepas.

Menurutnya, walaupun berpengalaman berbasikal menjelajahi Malaysia sebanyak 22 kali, namun faktor geografi pergunungan dan cuaca sejuk menjejaskan kesihatan Che Saad.

"Ketika memasuki Pakistan, cuaca sejuk dengan suhu dibawah 10 darjah Celsius menyebabkan kesihatan Pak Ad (Che Saad) merosot dengan batuk berpanjangan, hilang selera makan, jadi menjadi halangan kepadanya untuk berkayuh (basikal) dan terpaksa mendapatkan rawatan di hospital.

"Selepas perbincangan bersama dan mendengar nasihat doktor supaya tidak meneruskan kayuhan basikal, Pak Ad bersetuju mengambil tiket penerbangan pulang ke Malaysia. Alhamdulillah, selepas tiba di tanah air dan mendapat rawatan susulan, kesihatannya kini bertambah baik," katanya.

Sementara itu, mereka turut menghasilkan poskad berilhamkan setiap negara yang dijelajahi bagi menampung kos haji dan menurut Ahmad, sehingga kini sebanyak 1,558 keping berjaya dijual dengan nilai lebih RM141,000.

"Ada beberapa pilihan yang ada dalam usaha kami untuk menunaikan haji ini dan antaranya melalui visa mujamalah dari Kedutaan Arab Saudi yang diberikan kepada agensi atau pengelola haji terpilih dari Malaysia," katanya. — Bernama



RAYA DI PERANTAUAN: Ahmad, Noradilah dan Abdul Halim ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri di Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini. — Gambar Bernama



DITANAH SUCI: Selepas 150 hari pengembaraan berbasikal dari Kuala Lumpur, Ahmad, Noradilah dan Abdul Halim berjaya tiba di Madinah, Arab Saudi pada 19 April lepas. — Gambar Bernama